



MAKLUMAT

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2021

1. Hari Kebangsaan yang bertemakan '**Malaysia Prihatin**' akan disambut pada 31 Ogos 2021 di Dataran Pahlawan Negara, Putrajaya.
2. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) merupakan Kementerian yang menerajui Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia Tahun 2021 (HKHM 2021).
3. Bagi menghargai kebersamaan, keprihatinan, kesungguhan dan ketabahan rakyat Malaysia mengharungi cabaran pandemik COVID-19, Kerajaan telah bersetuju untuk mengekalkan tema dan logo Hari Kebangsaan yang sama seperti tahun lepas iaitu Malaysia Prihatin.
4. Pengekalan penggunaan tema untuk tahun ini adalah selari dan masih relevan dengan keadaan semasa negara yang sedang berhadapan pandemik COVID-19.
5. Malaysia Prihatin membawa pengertian bahawa seluruh rakyat Malaysia turut bersama-sama dengan Kerajaan memerangi COVID-19 sama ada petugas barisan hadapan (frontliners) penjawat awam, sektor swasta, sukarelawan, badan bukan kerajaan (NGO) mahupun orang perseorangan.
6. Kebersamaan Kerajaan dan rakyat Malaysia dalam menghentikan penularan pandemik COVID-19 merupakan suatu usaha yang berterusan. Sambutan Hari Kebangsaan merupakan manifestasi Kerajaan dan rakyat dalam memberikan apresiasi atas perjuangan para petugas barisan hadapan khususnya yang komited dalam melandai lengkung penularan pandemik COVID-19.

7. Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Julai 2021 serta saranan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Hari Kebangsaan disambut di Putrajaya dengan konsep sambutan secara terbuka (outdoor), terkawal dan berskala kecil serta penglibatan fizikal yang terhad tanpa melibatkan kehadiran orang awam di lokasi.
8. Sambutan juga disertai secara maya oleh pelbagai pihak termasuk wakil-wakil kedutaan Malaysia di ASEAN, wakil-wakil sektor ekonomi, telekomunikasi, kesihatan dan lain-lain termasuk pemimpin masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan dan pengamal media.
9. Pematuhan dan pemantauan ketat juga dikenakan untuk semua prosedur operasi standard (SOP) melibatkan penjarakan fizikal, pergerakan, pemakaian pelitup muka dan sanitasi di lokasi. Gelembung khusus (safety bubble) diwujudkan bagi memastikan tiada percampuran berlaku yang membuka ruang kepada risiko yang tidak diinginkan. Semua petugas dan peserta persembahan diwajibkan lengkap dua dos vaksin, melepasi 14 hari tempoh matang vaksin dan telah menjalani ujian calitan (swab test).
10. Sebanyak empat persembahan akan diadakan di Dataran Pahlawan Negara pada 31 Ogos ini iaitu tiga persembahan di lapangan dan satu pertunjukan udara.
11. Persembahan di lapangan:
 - a) Drumline Angkatan Tentera Malaysia (ATM) diketuai oleh Mejar Staf Sarjan Madzain bin Medol;
 - b) Kawad Senyap oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) diketuai oleh Laskar Kanan P.A.P Khairul Hisham Hirwan bin Salleh;
 - c) Pancaragam Gabungan Badan Beruniform diketuai Mejar Mohd Rizal bin Hj Mohd Nor. Persembahan ini terdiri daripada gabungan 8 agensi badan beruniform iaitu: ATM (Tentera Darat Malaysia, TLDM dan TUDM), PDRM, APMM, APM, JBPM dan Rela; dan
 - d) Pertunjukan Udara - **rujuk Lampiran 1.**

12. Perincian cadangan atur cara Sambutan Hari Kebangsaan 2021 – **rujuk Lampiran 2.**
13. Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) bakal menyiarkan program yang menggunakan elemen teknologi terkini berkonsepkan Mix Reality iaitu gabungan penerbitan secara fizikal, teknologi AR (Augmented Reality) dan juga XR (Extended Reality) berbentuk interaktif dan berteknologi tinggi.
14. Penggunaan teknologi XR bukan sahaja tertumpu untuk menonjolkan aset-aset negara, tetapi lebih kepada segmen yang membawa kesedaran dan kepentingan masa hadapan seperti kesihatan dan pendidikan.
15. Rakyat Malaysia dapat sama-sama menyaksikan siaran langsung sambutan ini menerusi semua stesen penyiar tempatan pada 31 Ogos 2021 mulai pukul 8.00 hingga 8.50 pagi dan di saluran TV1 mulai pukul 7.30 hingga 10.30 pagi.
16. Selain itu, sambutan ini turut boleh ditonton melalui Facebook Live
- i. Kementerian Komunikasi dan Multimedia;
 - ii. Merdeka 360; dan
 - iii. Jabatan Penerangan Malaysia.
17. Dua lagu baharu akan diperdengarkan buat julung kalinya semasa sambutan kali ini, iaitu lagu bertajuk 'Keluarga Malaysia' ciptaan lirik oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Datuk Seri Panglima TPr Annuar Haji Musa; dan lagu bertajuk 'Menang Bersama' hasil ciptaan Pengarah Muzik Radio Televisyen Malaysia (RTM), Datuk Mokhzani Ismail – **rujuk Lampiran 3.**
18. Pada tahun ini juga, KKMM turut menjalin kerjasama dengan Kementerian Luar Negeri bagi merealisasikan penyertaan rakyat Malaysia di luar negara. Selain sambutan di tanah air, Kedutaan Malaysia di luar negara juga meraikannya melalui pelbagai cara dan aktiviti khusus untuk warga Malaysia di luar negara. Klip video nyanyian lagu 'Setia' daripada diaspora luar negara sambutan Bulan Kebangsaan akan disiarkan di stesen televisyen.
19. Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2021 juga dirancang agar penglibatan rakyat Malaysia secara menyeluruh untuk bersama-sama

meraikannya di samping dapat menyerlahkan bakat, kreativiti dan jati diri terutamanya generasi muda untuk bersama-sama meraikan dan menghayati semangat perpaduan dan kemerdekaan, antaranya ialah:

- i. Pertandingan Pidato Kenegaraan 2021;
- ii. Pertandingan Fotografi Klik@Merdeka 2021;
- iii. Pertandingan Mewarna dan Melukis MyDoodle@Merdeka 2021
- iv. Pertandingan Bintang Patriotik Smule 2021;
- v. Pertandingan Mural@Merdeka 2021;
- vi. Pertandingan Bercerita Kanak-Kanak 2021;
- vii. Pertandingan Video Tiktok Ilham Merdeka 2021; dan
- viii. Sayembara Sajak Merdeka 2021.

20. Maklumat lanjut mengenai pertandingan-pertandingan ini boleh dilayari di Portal Merdeka360 www.merdeka360.my atau Facebook, Instagram dan Twitter @Merdeka360 serta laman Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia di www.kkmm.gov.my.

21. Rakyat Malaysia boleh berkongsi momen-momen menarik mengenai sambutan Hari Kebangsaan menerusi pengemaskinian status di media sosial melalui Facebook Merdeka Frame & Profile Picture, WhatsApp Sticker, Emoji, TikTok, Instagram Reels, Merdeka Facebook Banner dan sebagainya.

22. Bagi tujuan *trending* (sohor kini) di media sosial, orang ramai boleh menggunakan tanda pagar seperti yang berikut:

- i. #HKHM2021
- ii. #MalaysiaPrihatin
- iii. #MenangBersama
- iv. #DemiNegara
- v. #LindungDiriLindungSemua

23. Seluruh rakyat Malaysia juga diseru untuk terus mengibarkan Jalur Gemilang sehingga Hari Malaysia pada 16 September 2021 sebagai menyemarakkan semangat patriotisme.

Disediakan oleh:

**JAWATANKUASA INDUK
SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA (HKHM) 2021**

LAMPIRAN 1**SEGMENT PERTUNJUKAN UDARA**

BIL	JENIS PESAWAT PEJUANG	KETUA
1.	1x A400M & 2x C130 Hercules	Mej. Phanom A/L Achuan TUDM
2.	F/A 18D	Lt. Kol Khamizan Bin Morsidi TUDM
3.	3x SU 30 MKM 2x Hawk 1x F/A 18D	Lt. Kol Norazan Bin Othman TUDM
4.	2x SU 30 MKM	Mej Mohd Jamil Bin Awang TUDM
5.	1x F/A 18D	Mej MD Zailimi Bin Md Zin TUDM
6.	3x SU 30 MKM 2x Hawk 1x F/A 18D	Lt. Kol Norazan Bin Othman TUDM
7.	F/A 18D	Lt. Kol Khamizan Bin Morsidi TUDM

LAMPIRAN 2

PERINCIAN ATURCARA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN TAHUN 2021

- 7.15 pagi : Ketibaan dif-dif jemputan
- 7.45 pagi : Ketibaan Tan Sri Datuk Seri Panglima TPr Annuar Haji Musa, Menteri Komunikasi dan Multimedia
- 7.50 pagi : Ketibaan YB Menteri-Menteri Kanan dan Jemaah Menteri
- 8.00 pagi : Kehadiran secara maya YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri
- : Nyanyian Lagu Negaraku
- : Bacaan Ikrar Rukun Negara (*Faces of Malaysia*) terdiri daripada para guru dan petugas barisan hadapan
- : Pengisian Persembahan:
- i. Persembahan *Drumline* Angkatan Tentera Malaysia
 - ii. Persembahan Kawad Senyap Tentera Laut Diraja Malaysia
 - iii. Persembahan Pancaragam Gabungan Badan Beruniform
 - iv. Pertunjukan Udara daripada Tentera Udara Diraja Malaysia
- 8.50 pagi : YB Menteri-Menteri Kanan dan Jemaah Menteri meninggalkan majlis
- : YB Menteri Komunikasi dan Multimedia meninggalkan majlis
- : Dif-dif jemputan meninggalkan majlis
- : Majlis bersurai

KELUARGA MALAYSIA

Nun di langit

Cahaya bersinar

Menyinari bumi merdeka

Ini masa

Buang permusuhan

Padamkan sengketa di jiwa

Ayuh buka

Pintu-pintu di hati

Rapatkan jurang satukan tekad azam untuk Malaysia

Ayuh kita

Bersama bangunkan semula

Rapatkan hatimu hapuskanlah kebencian

Ayuh kita

Zahirkan impian bersama

Menjunjung semangat yang bernama

Keluarga Malaysia

(BRIDGE)

Dari timur

Barat dan selatan

Inilah masanya bersama

Ayuh kita
Henti menuding menyalah
Tegaskan niatmu sempurnakan keazaman

Hanya kita
Rakyat berbagai bangsa
Mampu membangunkan membentuk arah untuk Malaysia

Ayuh kita
Bersama bangunkan semula
Rapatkan hatimu hapuskanlah kebencian

Ayuh kita
Zahirkan impian bersama
Menjunjung semangat yang bernama
Keluarga Malaysia

Lirik: Tan Sri Datuk Seri Panglima TPr Annuar Haji Musa
Komposer: Jerry

MENANG BERSAMA

Sekali genggam api menjadi bara
Semangat tidak bergoyang
Teguhkan ikatan yang tersimpul sekian lama

Gunung didaki ke lurah dituruni
Sederap melangkah gagah seiring bersatu
Kita jalin tekad berpadu

(KORUS)

Menang bersama
Demi negara
Hargai pengorbanan
Di Barisan hadapan
Menang bersama
Demi negara
Mari kita kibarkan
Dengan gagah panji kemenangan

Lirik: Syed Indra Syed Omar (SISO)

Komposer: Datuk Mokhzani Ismail